

21 SEP 2003

Sukan-Boling (Reviu)/I

EMAS PASUKAN WANITA SELAMATKAN MARUAH PASUKAN NEGARA

Oleh: Hamdan Saaid

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Jika bukan kerana sebutir pingat emas yang diraih pasukan wanita, tuan rumah Malaysia pasti berputih mata pada Kejohanan Boling Tenpin Dunia Ke-15 yang berakhir di Pyramid Megalanes di Bandar Sunway, dekat sini, semalam.

Kemenangan pasukan wanita dalam acara lima sepasukan, yang diraih ketika tinggal tiga hari lagi kejohanan, menyelamatkan maruah pasukan Malaysia, yang gagal memberikan sebarang tentangan sengit kepada pemain lawan sejak hari perasmian pada 11 Sept.

Kecuali menduduki tempat keempat bersama dalam acara berpasangan lelaki menerusi Daniel Lim dan Azidi Ameran, persembahan Malaysia dalam kejohanan 10 hari itu langsung tidak menyakinkan dan kekurangan semangat "Malaysia Boleh".

Janji awal mereka untuk menyumbangkan sesuatu sebagai hadiah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara bulan depan, hanya diperoleh pada Khamis apabila pasukan wanita melakukan persembahan cemerlang untuk menduduki tempat pertama.

Lima pemain berkenaan iaitu Shalin Zulkifli, Sarah Yap, Wendy Chai, Sharon Chai dan Choy Poh Lai berjaya mencipta rekod dunia dengan melakukan 6,208 jatuhan pin untuk memenangi pingat emas, memadamkan rekod 6,183 sebelum ini yang dilakukan oleh pasukan Korea Selatan pada 1999.

Ianya nyata sukar buat mereka yang terpaksa berhempas pulas untuk mendaki tangga daripada tempat keempat selepas blok pertama tiga permainan pada Rabu untuk akhirnya mendahului pada ketika tinggal satu lagi permainan.

Ia juga merupakan pingat emas kedua Malaysia yang diraih dalam sejarah kejohanan itu selepas pasukan trio lelaki yang terdiri daripada J.B. Khoo, Edward Lim dan Allan Hooi mencipta kejayaan 24 tahun lepas di Manila.

Bagaimanapun, trend akhir-akhir ini menunjukkan pemain negara beraksi cemerlang di luar negara berbanding beraksi di depan penonton tempatan.

Sekiranya kejohanan itu diadakan di negara jiran Singapura, kemungkinan mereka boleh menyumbang lebih daripada satu pingat emas yang diraih di Pyramid Megalanes.

Singapura menjadi gelanggang memburu pingat bagi Malaysia sejak dua tahun lepas dengan Wendy mengekalkan gelaran Terbuka Singapura bagi dua tahun berturut-turut pada Januari manakala Shalin memenangi gelaran Jelajah Boling Grand Slam Asia lapan bulan lepas.

Shalin, seorang daripada pemain paling berjaya dalam sejarah boling Malaysia, turut memenangi Jelajah Boling Asia peringkat Malaysia dan Filipina musim ini.

Dan juga jangan lupa, Malaysia memenangi kedua-dua gelaran kategori lelaki dan wanita pada Piala Pasukan Tenpin Dunia di Odense, Denmark, Februari lepas, kejohanan yang menawarkan format permainan berbeza berbanding kejohanan dunia ini.

Lagipun, sukar untuk percaya bahawa beberapa pemain Malaysia hanya mampu melakukan catatan rendah di bawah 150 pada kejohanan dunia di Pyramid Megalanes, ekoran mereka telah menjalani latihan intensif harian sejak awal tahun ini.

Selain daripada tempat keempat daripada acara berpasangan, persembahan pemain lelaki juga langsung tidak menyakinkan.

Tiada seorang pun daripada enam pemain yang melayakkan diri ke Akhir Masters bagi senarai 16 pemain terbaik, manakala pasukan wanita patut

berbangga dengan tiga wakil -- Poh Lai, Wendy dan Shalin.

Dan bagi kejohanan itu sendiri, sudah tiba masanya Persatuan Boling Tenpin Dunia (WTBA) memikirkan mengenai kualiti daripada kuantiti.

Terdapat beberapa peminat terutamanya daripada negara yang tidak terkenal dengan boling seperti Iraq yang berjaya melakukan lebih 100 jatuhan pin dalam satu permainan.

Mungkin, WTBA patut mengikut langkah persekutuan sukan antarabangsa lain seperti FIFA bagi bola sepak yang hanya memilih 32 negara terbaik untuk layak ke Akhir Piala Dunia.

Sejumlah 588 pemain dari 65 negara mengambil bahagian dalam edisi ke-15 kejohanan dunia itu, menjadikannya penyertaan ketiga terbesar dalam sejarah kejohanan itu sejak pertama kali dianjurkan di Helsinki, Finland pada 1954.

Dengan pusingan kelayakan bagi setiap zon, WTBA boleh memastikan kejohanan dunia bertaraf paling tinggi di masa depan.

Semua orang tahu bahwa Kejohanan Dunia itu, mulai sekarang akan memisahkan acara lelaki dan wanita berikutan kejohanan KL merupakan kejohanan terakhir bagi kedua-dua kategori itu dipertandingkan bersama.

Bagaimanapun, ia tidak menjamin prestasi bertaraf dunia sekiranya badan dunia itu masih berpura-pura untuk menjadikannya layak disertai setiap anggota.

Bercakap mengenai prestasi, pasukan Eropah terutamanya Sweden dan England telah mendominasi edisi kejohanan dunia kali ini dengan masing-masing meraih tiga emas, namun Sweden menduduki tangga teratas dengan kelebihan satu pingat gangsa.

Sweden mendominasi acara lelaki dengan tiga pingat emas yang diperolehi daripada acara berpasangan lelaki (Tomas Leandersson dan Anders Ohman), All-Events (Ohman) dan acara lelaki lima sepasukan.

England sementara itu, menjadi tumpuan dalam acara wanita dengan pingat emas yang diraih Zara Glover (perseorangan, berpasangan dengan Kirsten Penny dan All-Events) menunjukkan keunggulan pemain itu dalam mengatasi wirawati negara Shalin.

-- BERNAMA

HRS AZZ RHM